

10 DEC 1997

Mahathir-OIC

DR MAHATHIR KATA IRAN ANJUR SIDANG OIC DENGAN BIJAK

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

TEHRAN, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Iran menganjurkan sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) secara bijak dan tidak menggunakan forum itu untuk kepentingan sendiri.

Perdana Menteri juga gembira dengan kehadiran 26 ketua negara dan kerajaan pada persidangan itu yang pertama kali diadakan di negara ini sejak OIC ditubuhkan pada tahun 1969.

"Jadi nampaknya walaupun ada orang mengatakan kalau diadakan di Iran, tidak ramai yang hadir kerana permusuhan dengan Iran tetapi kita dapati ramai yang hadir.

"Iran bersikap sederhana dan tidak cuba menggunakan forum ini untuk menyerang sesiapa...dia menjadi pengerusi yang berkecuali," katanya kepada wartawan Malaysia di villa penginapannya di sini.

Laporan akhbar-akhbar tempatan Iran menyifatkan kehadiran sebilangan besar pemimpin dari kalangan 55 anggota OIC itu sebagai satu kejayaan dalam usaha Iran meningkatkan hubungan luar terutama dengan negara-negara jiran.

Akhbar berbahasa Inggeris "Tehran Times" dan "Iran News" menyifatkan kehadiran para pemimpin itu sebagai tamparan kepada Amerika Syarikat yang berusaha menghalang negara-negara lain berurusan dengan Iran.

Dr Mahathir berkata pemimpin tertinggi Iran Ayatollah Ali Khamenei, yang merasmikan sidang tiga hari itu, telah menyampaikan ucapan yang agak liberal dan adil.

"Dia sebut juga masalah orang Iraq yang menjadi musuh Iran dulu dan masalah-masalah lain secara 'neutral'," katanya.

Dr Mahathir semalam telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Iran Mohammad Khatami, yang berharap untuk merapatkan lagi hubungan antara Iran dan Malaysia.

Perdana Menteri berkata kerjasama itu bukan setakat hubungan dalam bidang agama tetapi juga ekonomi dan pendidikan.

Di samping menghadiri sidang kemuncak itu, Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan dua hala dengan pemimpin dari beberapa negara.

Pagi ini beliau bertemu presiden Majlis Iran Ayatollah Akhbar Hashemi Rafsanjani serta Khamenei serta dengan tiga pemimpin dari Afrika.

Mereka terdiri daripada Presiden Sudan Omar Hassan Ahmed Al Bashir, Presiden Djibouti Hassan Gouled Aptidon dan Presiden Sierra Leone Ahmad Tejan Kabbah.

Dr Mahathir juga dijadualkan mengadakan dialog dengan pengurus kanan dan ahli akademik Iran dan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usaha antara Technology Resources Industries Berhad (TRI) dan Syarikat Telekom Esfahan petang ini. -- BERNAMA

AZZ MAI